

# Lawatan PM eratkan hubungan Malaysia-Poland

**BH 31 MAR 2002**

Oleh **REJAL ARBEE**

**G**ALJI terus turun di bandar raya Warsaw sewaktu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba pagi Khamis, 21 Mac lalu untuk mengadakan kunjungan rasmi tiga hari ke Poland. Secara rasminya musim sejuk telah berlalu diikuti dengan bermulanya musim bunga pada hari ketibaan beliau. Tetaui salji masih turun di mana-mana walaupun ada ketikanya matahari juga memancar.

Demikian juga ketika tiba di Masjid Gdansk-Oliwa keesokannya untuk menunaikan solat Jumaat di bandar pelabuhan Gdansk, 350 kilometer ke utara Warsaw, beliau juga disambut dengan salji yang sedang turun.

cangan di antara pihak swasta kedua-dua negara termasuk tokoh-tokoh terkemuka korporat kedua negara, hubungan perdagangan dan pelaburan antara Malaysia dan Poland tentunya akan meningkat dari tahap sekarang.

Pengumuman Dr Mahathir pada sidang akhbar sebelum berangkat pulang bahawa Malaysia telah bersetuju untuk membeli Kereta Kebal (Main Battle Tank) PT-91 buatan Poland yang dikaitkan dengan tawaran pakej di mana Poland juga bersetuju menerima sebahagian daripada bayarannya dengan minyak kelapa sawit keluaran Malaysia tentunya akan meningkatkan lagi hubungan antara kedua-dua negara.

Malah inilah kali pertamanya

juk ia tentunya akan membeku juga ketika musim sejuk.

kungkin promos; yang hendak dilakukan perlu ditumpukan terhadap kegunaannya membuat margerin atau bahan pencuci seperti sabun.

Pembelian kereta kebal PT-91 itu juga boleh membawa kepada pemindahan teknologi pembinaan kereta itu kepada rakyat Malaysia dengan adanya ketetapan bahawa pembuat kereta kebal itu Zaklady Mechaniczne Bumar Labedy S.A (ZMBL) akan bekerjasama dengan syarikat Malaysia, MMC Defence Sdn Bhd yang akan menjadi rakan kongsi pembuat untuk memasangnya di Malaysia selain menentukan berlakunya pemindahan teknologi.

Pembabitan MMC Defence

Apabila kembali ke Warsaw melalui lapangan terbang tentera Okecie, keseluruhan lapangan terbang itu diselaputi salji menyebabkan beberapa traktor perlu membersihkan landasan dari salji bagi membolehkan pesawat mendarat.

Malah pada hari terakhir lawatan Dr Mahathir, salji masih turun hingga seluruh Warsaw kelihatan memutih dengan jalan raya, pokok-pokok dan kereta-kereta yang ditinggalkan semalaman di tempat letak kereta di luar bangunan turut diselubungi salji.

Berlawanan dengan keadaan cuaca dingin yang menyambut dan mengekorinya, apa yang ditunjukkan oleh negara itu terhadap Dr Mahathir dan rombongan-nya baik pemimpin mahupun rakyatnya jauh berbeza dengan keadaan dingin itu. Kemesraan yang ditunjukkan oleh barisan pemimpin dan lain-lain pegawai Poland terhadap beliau dan juga anggota-anggota rombongannya memberi satu petanda baik dalam hubungan antara kedua-dua negara.

Walaupun hubungan diplomatik Malaysia-Poland termeterai kira-kira 30 tahun lalu berikutan kunjungan Tun Razak Hussein ke Warsaw, hubungan mereka tidak erat. Malah hubungan perdagangan dan perindustrian antara mereka juga tidak berkembang kerana kurangnya hubungan di antara kedua-dua negara.

Tetapi dengan adanya kunjungan Dr Mahathir minggu lalu berserta pertemuan dan perbin-

pembelian kelengkapan pertahanan negara dikaitkan dengan pelbagai syarat yang menjamin pihak swasta Malaysia juga boleh mendapat faedah daripada pembelian itu. Ini adalah dalam rangka menentukan apa-apa pembelian kelengkapan pertahanan tidak hanya menyebabkan aliran keluar tukaran asing negara tetapi boleh pula menjana pertumbuhan ekonomi.

Datuk Seri Najib Tun Razak memberitahu bahawa dasar baru ini akan diguna pakai untuk segala pembelian kelengkapan pertahanan negara dari sekarang. Persetujuan Poland untuk mengimport minyak sawit Malaysia sebagai sebahagian daripada bayaran terhadap pembelian MBT PT-91 itu adalah suatu breakthrough untuk minyak sawit Malaysia bertapak di Poland.

Rakyat Poland dikatakan tidak langsung mengetahui mengenai penggunaan minyak sawit dan khasiatnya untuk kesihatan.

Kini terpulang kepada mereka yang terbabit dengan pengeluaran dan perdagangan minyak ini seperti Lembaga Minyak Sawit Malaysia untuk mengadakan promosi minyak itu kepada rakyat Poland. Penggunaannya sebagai minyak masak mungkin menghadapi sedikit masalah kerana suri rumah di Poland dikatakan menyimpan minyak masak mereka dalam peti sejuk. Dan minyak sawit akan membeku kiranya disimpan dalam keadaan suhu rendah. Sekali pun minyak itu tidak disimpan dalam peti se-

juga akan meningkatkan penyer-taan syarikat Malaysia dan kakitangannya bagi menentukan bahawa bahan tempatan juga akan digunakan di mana boleh waktu memasangnya selain memberi perkhidmatan selepas jualan.

Sebelum Dr Mahathir membuat pengumuman itu pihak kerajaan, akhbar-nya dan kalangan tentera daratnya begitu ghairah hendak mengetahui apakah PT-91 buatan Poland itu telah berjaya mendapat kontrak dari Malaysia itu. Ini tidak menghairankan kerana persaingan sengit khususnya dari Russia dan Ukraine selain lima buah negara lain untuk mendapatkan kontrak itu.

Poland sebenarnya telah mengemukakan rancangan untuk menjual kereta kebalnya kepada Malaysia sejak 1993 lagi. Ujian kesesuaian kereta kebal jenis itu untuk memenuhi keperluan pertahanan Malaysia telah dilakukan sejak tahun 1994 lagi. Tetapi program menubuhkan pasukan (corps) kereta kebal sebagai sebahagian daripada rancangan memodenkan tentera negara terpaksa ditangguhkan berikutan dengan kegawatan tahun 1997 hing-galah ke hari ini di mana kerajaan kini lebih yakin terhadap pertumbuhan ekonomi negara yang akan terus berkembang.

Kunjungan itu juga diharapkan akan membawa kepada lebih ramai rakyat kedua negara saling mengunjungi di antara Malaysia dan Poland. Malah Dr Mahathir telah menyarankan kedua-dua negara mengadakan minggu ma-

masing-masing untuk mempromosikan tempat-tempat pelancongan mereka selain dari memperkenalkan barangan buatan masing-masing.

Usaha pengenalan ini sudah pun dimulakan dengan kunjungan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir serta rombongan kebudayaan dari ke-

menteriannya untuk mengadakan beberapa pertunjukan di Warsaw beberapa hari sebelum kunjungan Dr Mahathir. Malah Malaysia akan mengambil bahagian dalam Expo Warsaw Tour and Travel 2002 yang akan dilangsungkan di Palace of Culture and Science dari 27 hingga 29 September depan.

Dr Mahathir dalam rangka

kunjungannya itu telah bermesra dengan rakan sejawatannya Leszek Miier.

Kedua-dua Perdana Menteri menganggap lawatan itu akan merintis jalan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara. Jarak jauh di antara kedua-dua negara tidak harus menjadi penghalang kepada peningkatan hubungan antara

rakyat kedua negara.

Kini lebih ramai rakyat Poland melawat Malaysia (30,000 orang tahun lalu) berbanding tidak seberapa rakyat Malaysia yang melawat Poland kerana tidak ramai orang Malaysia mengetahui Poland. Usaha perlu ditingkatkan untuk mempromosi kedua-dua negara untuk pengetahuan rakyat masing-masing.